



**PEJABAT PERDANA MENTERI
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA**

PROGRAM RANCAKKAN MADANI KELANTAN

1. YAB Perdana Menteri telah merasmikan 'Rancakkan MADANI Kelantan' dan melancarkan Program 'Aku Kasih Malaysia'. Ianya merupakan satu inisiatif yang digerakkan oleh Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM) bersama sokongan pelbagai agensi dan komuniti di peringkat negeri dan nasional. Manakala penganjuran Program Aku Kasih Malaysia akan berlangsung sepanjang sambutan bulan kebangsaan pada tahun ini. Selain itu, pihak AKM juga menganjurkan Pertandingan Video Kreatif Kenegaraan, Pertandingan Pantomim Kenegaraan dan Kembara Aku Kasih Malaysia. Inisiatif utama program adalah untuk menyemarakkan semangat patriotik melalui penyampaian Sejarah Kenegaraan, Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan Aspirasi Malaysia MADANI.
2. Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM), Pejabat Perdana Menteri telah mengadakan Program Rancakkan MADANI Kelantan, Dewan Utama Kampus Kesihatan USM Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan. Program ini bertujuan meningkatkan kefahaman dan memupuk nilai kenegaraan penggerak MADANI serta menggalakkan penglibatan aktif NGO, persatuan-persatuan serta penjawat awam dalam pembangunan negara dan penyebaran luas nilai-nilai teras Malaysia MADANI yang mana YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri telah menyempurnakan program tersebut.
3. Program ini telah dihadiri seramai 1500 orang peserta daripada pelbagai agensi, NGO, persatuan belia dan komuniti khususnya warga negeri Kelantan. Turut hadir ialah YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin bin Haji Daud, Menteri Besar Negeri Kelantan dan YBhg. Tan Sri Dato' Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Dato' Dr. Haji Roslan bin Hussin, Ketua Pengarah Akademi Kenegaraan Malaysia dan YBhg. Profesor Dato' Seri Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed, Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM).

AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

PEJABAT PERDANA MENTERI

28 FEBRUARI 2025
